

MODUL PP

Praktis ke Arah SPM

KERTAS 1

5.1 Konsep Gagasan Malaysia

- 1 Gambar berikut menunjukkan tokoh yang mengemukakan idea gagasan Malaysia.

Buku
Teks
m/s
90



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

Apakah cadangan idea gagasan Malaysia yang dikemukakan oleh beliau?

- A Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Brunei
- B Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Indonesia
- C Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak dan Sabah
- D Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei

5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

- 2 Cadangan pertama pembentukan Malaysia dikemukakan oleh Lord Brassey. Siapakah beliau?

Buku
Teks
m/s
91

- A Residen British
- B Gabenor Jeneral British
- C Pesuruhjaya Tinggi British
- D Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara

- 3 Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sir Malcom MacDonald mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara. Mengapakah beliau mengemukakan cadangan tersebut?

Buku
Teks
m/s
91

- A Tujuan keselamatan
- B Pembangunan wilayah
- C Membendung ancaman komunis
- D Membentuk satu entiti politik dan ekonomi


- 4 Apakah rasional idea pembentukan Malaysia?
- I Ancaman komunis di Indonesia
 - II Keseimbangan komposisi penduduk

Buku
Teks
m/s
93

- III Pembangunan wilayah
- IV Mempercepat kemerdekaan Singapura
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencapai matlamat berikut?

Buku
Teks
m/s
93



- A Menyingkirkan Singapura
- B Memperketat syarat kerakyatan
- C Menyekat penyertaan Sabah dan Sarawak
- D Menggabungkan Sarawak, Sabah dan Brunei

- 6 Dialog berikut mungkin diucapkan pada tahun 1960-an.

Buku
Teks
m/s
93

Ali : Pembentukan Malaysia penting demi menjamin keselamatan negara.
Mikail : Ya, kita mesti selamatkan dua buah negeri daripada jatuh ke tangan komunis.

Negeri manakah yang dimaksudkan dalam dialog di atas?

- I Sabah
- II Brunei
- III Sarawak
- IV Singapura
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

- 7 Mengapakah cadangan pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin dan penduduk di Sabah?

Buku
Teks
m/s
96

- A Keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan
- B Lebih berminat bergabung dengan Sarawak
- C Menganggap sebagai perjanjian baharu
- D Menjejaskan ekonomi Sabah

- 8 Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia?
 A Menjejaskan perpaduan kaum
 B Bimbang kepentingan rakyat terancam
 C Menganggapnya sebagai penjajahan baharu
 D Ingin mencapai kemerdekaan dengan segera

- 9 Mengapakah A.M. Azahari, pemimpin Parti Rakyat Brunei menentang cadangan pembentukan Malaysia?
 I Kerakyatan secara liberal
 II Kewarganegaraan sama rata
 III Bimbang Brunei akan kehilangan kekayaan ekonomi
 IV Berpendapat cara kerajaan British mengekalkan pengaruh
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

- 10 Mengapakah pemimpin Sarawak dan Sabah mengadakan lawatan ke Persekutuan Tanah Melayu pada bulan ogos 1962?
 A Kerjasama politik
 B Meninjau kemajuan
 C Berbincang dengan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
 D Meninjau reaksi penduduk terhadap pembentukan Malaysia
- 11 Satu referendum diadakan di Singapura pada awal bulan September 1962 menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia. Apakah keputusan referendum tersebut?
 A Idea penggabungan dirunding semula
 B Menolak penggabungan dengan Sabah
 C Bersetuju dengan pembentukan Malaysia
 D Menggesa kerajaan mengadakan referendum semula
- 12 Menjelang Jun 1962, Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu. Apakah laporan yang dikemukakan oleh suruhanjaya ini?
 A Bersetuju menubuhkan sebuah suruhanjaya
 B Bersetuju menyediakan rangka perlembagaan
 C Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
 D Rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia

5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

- 13 Apakah prinsip utama Perjanjian Malaysia 1963?
 A Islam agama Persekutuan
 B Membentuk satu gagasan baharu
 C Mengiktiraf hak yang sama kepada semua negeri
 D Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

- 14 Maklumat berikut menerangkan peruntukan kerusi Parlimen dalam Perjanjian Malaysia.

Negeri	Bilangan kerusi
Singapura	15
Sarawak	24
Sabah	X

Apakah X?

- A 14
 B 16
 C 20
 D 21

5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

- 15 Antara berikut, yang manakah peristiwa penentangan Indonesia terhadap negara kita?
 I Serangan gerila di Sabah
 II Serangan gerila di Sarawak
 III Melancarkan dasar konfrontasi
 IV Melancarkan serangan udara
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 16 Apakah iktibar yang diperoleh daripada usaha pemimpin tempatan menamatkan konfrontasi dengan Indonesia? **KBAT**
 A Berani
 B Bijaksana
 C Kesabaran
 D Kesungguhan